

INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

**ASAS KEUSAHAWANAN
ETR 300**

MARWILIS PUBLISHER AND DISTRIBUTOR SDN. BHD.

DISEDIAKAN UNTUK:

**PUAN HJH.HANIM NORZA BTE BABA
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN
ITM MELAKA**

DISEDIAKAN OLEH:

**IRWAN BIN ADNAN 93828170
NORAINI BTE ABDUL GHANI 93858831
HANA KARTINI BTE MOHD SHUIB 93764517
AMEZAN BIN HJ MAT SAID 93817290
AIDAYU BTE MISRUN 93803955**

**PELAJAR-PELAJAR DIPLOMA PERAKAUNAN
ITM MELAKA**

16 APRIL 1996



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

18hb. Januari 1996

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Surat Tuan:

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Surat Kami:

100-CM(AKA 30/7B)

Telefax: 06-563963

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma Perakaunan. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan bagi memenuhi syarat matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. K/P ITM</u>
1.	Irwan Adnan	93828170
2.	Noraini Abd Ghani	93858831
3.	Amezan Iij Mat Said	93817290
4.	Aidayu Misrun	93803955
5.	Hana Kartini Mohd Shuib	93764517

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar


ABD RAZAK MD JAIS

Ketua Kursus DIA

ITM Melaka.

b/p Pengetua

Surat Penyerahan

Kumpulan Marwilis Publisher and Distributer Sdn. Bhd.
Penuntut Kursus Asas Keusahawanan (ETR 300)
Diploma Perakaunan (DIA)
Bahagian 05
Institut Teknologi Mara
Melaka

16 April 1996

Puan Hajjah Hanim Norza bte Baba
Pensyarah Keusahawanan
Institut Teknologi Mara
MELAKA

Assalamualaikum w.b.r

Puan

Laporan Rancangan Perniagaan Penerbitan Buku

Merujuk kepada perkara di atas, kami dengan sukacitanya menyerahkan Laporan Rancangan Perniagaan Penerbitan Buku ini kepada puan bagi melengkapkan matapelajaran Keusahawanan ETR 300 sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan Diploma Perakaunan.


Tujuan laporan ini disediakan adalah sebagai bahan rujukan bagi pihak-pihak berkenaan untuk menilai kemampuan dan kekuatan perniagaan kami. Adalah diharapkan laporan ini dapat dijadikan panduan kepada bakal-bakal usahawan yang berminat menceburi bidang yang sama.

Akhir sekali, kami dengan rasa ikhlas mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah dan semua pihak yang terlibat dalam memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami bagi menyiapkan Rancangan Perniagaan ini.

Sekian. Terima kasih.

'PEMBUDAYAAN ILMU PERINTIS PARADIGMA'

Yang benar,



.....
(Irwan bin Adnan)

1.0 Pengenalan

MARWILIS PUBLISHER AND DISTRIBUTOR SDN. BHD. adalah sebuah syarikat perniagaan yang menerbitkan buku berbentuk ilmiah dan bukan ilmiah. Berpusat di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, ia adalah hasil usaha lima tenaga pemegang saham yang ingin merealisasikan seruan kerajaan untuk menambah bilangan bumiputera dalam sektor perniagaan.

Bersumberkan modal dibenarkan sebanyak RM 500,000 hasil sumbangan setiap pemegang saham dengan pinjaman daripada Bank Bumiputera Malaysia Berhad sebanyak RM 100,000.

MARWILIS PUBLISHER AND DISTRIBUTOR SDN. BHD. beribupejabat di:

Tingkat 3, Fasa 2, Kompleks PKNS
40000 Shah Alam ,
Selangor Darul Ehsan

Bertujuan untuk membantu kerajaan dalam usaha membudayakan ilmu pengetahuan, MARWILIS PUBLISHER AND DISTRIBUTOR SDN. BHD. berpegang kepada konsep 'ilmu berasaskan keimanan'. Hasil penerbitan pelbagai jenis buku, dari ilmiah ke kisah-kisah lagenda, kami berharap ia dapat menarik minat semua lapisan masyarakat untuk membaca.

Dengan motto *Pembudayaan Ilmu Perintis Paradigma*, kami yakin bahawa ketinggian ilmu akan dapat melahirkan insan-insan yang bakal menjadi pencetus kepada satu era baru abad ke-21. Penerokaan ilmu bukan sahaja akan menaikkan taraf seseorang individu itu malahan akan meningkatkan keimanan dalam mensyukuri nikmat Tuhan.

Bagi mencapai objektif dan matlamat syarikat, pengurusan syarikat telah dibahagi kepada lima bidang pengkhususan iaitu Pengarah Urusan, Pengurus Pemasaran, Pengurus Operasi, Pengurus Pentadbiran dan Pengurus Kewangan. Atas persetujuan pemegang-pemegang saham, bidang-bidang pengkhususan tersebut telah dipertanggungjawabkan ke atas pemegang-pemegang saham mengikut kemahiran dan pengalaman masing-masing.

Pengarah Urusan bertanggungjawab mentadbir secara keseluruhan urusan perniagaan disamping membuat keputusan serta menjalin perhubungan dengan pelbagai pihak luar. Pengurus Pemasaran merancang strategi-strategi pemasaran dan mengkaji kedudukan syarikat antara pesaing-pesaing.

Antara tanggungjawab Pengurus Operasi adalah memastikan kuantiti dan kualiti pengeluaran memenuhi kehendak pelanggan. Pengurus Pentadbiran pula mentadbir hal ehwal syarikat serta memastikan tenaga pekerja mencukupi. Urusan pengeluaran wang masuk dan keluar syarikat serta menentukan kestabilan kedudukan kewangan syarikat adalah atas tanggungjawab Pengurus Kewangan.

Kesimpulannya, MARWILIS PUBLISHER AND DISTRIBUTOR SDN. BHD. adalah sebuah syarikat penerbitan buku yang mempunyai potensi untuk berkembang maju dan bersaing di pasaran tempatan. Malahan, sekiranya kedudukan syarikat semakin mantap, matlamat untuk menembusi pasaran antarabangsa (Indonesia dan Singapura khususnya) akan cuba direalisasikan. InsyaAllah.